

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 9 JULAI 2019**

**SOALAN**

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara spesifiknya sekiranya Akta Hasutan 1948 akan dimansuhkan seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan dan sekiranya ya, bilakah ia akan dimansuhkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan tetap menjadi komitmen untuk dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri. Selaras dengan manifesto tersebut, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas untuk melaksanakan kajian ke atas undang-undang berkaitan keselamatan termasuklah Akta Hasutan 1948. Jawatankuasa Khas yang dianggotai oleh pihak-pihak berkaitan yang berkepentingan seperti Jabatan Peguam Negara (AGC), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Peguam, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan badan bukan kerajaan (NGO) ditubuhkan untuk menilai dan memperhalus setiap peruntukan dalam undang-undang berkenaan berdasarkan piawaian hak asasi manusia selain mengenal pasti implikasi-implikasi keselamatan yang boleh timbul jika undang-undang tersebut dimansuhkan.

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, Kementerian Dalam Negeri berpandangan bahawa pemansuhan Akta Hasutan 1948 boleh dilaksanakan dengan mengambil kira beberapa peruntukan berkaitan dengan institusi diraja, kaum dan agama diteliti dengan penuh cermat kerana ia merupakan teras kepada perpaduan dan keharmonian rakyat di negara ini. Antara alternatif yang boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan ke arah merealisasikan pemansuhan undang-undang tersebut adalah beberapa peruntukan seksyen mengenai kesalahan-kesalahan yang melibatkan institusi diraja, kaum dan agama dijadikan sebagai antara kesalahan-kesalahan dalam undang-undang lain sedia ada yang berkuat kuasa seperti Kanun Keseksaan.

Kementerian masih meneruskan kajian lanjut berhubung dengan pemansuhan Akta Hasutan 1948 bersama dengan Jabatan Peguam Negara dan agensi-agensi kerajaan yang lain terutamanya ke atas seksyen 3 Akta Hasutan 1948, yang memperuntukkan mengenai Perkara 152, 153, 181 dan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan untuk dipindahkan ke dalam Kanun Keseksaan [Akta 574].